

**MESYUARAT KETIGA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI KHAMIS, 22 SEPTEMBER 2022, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT -**
 - **Bilangan 24 hingga 31 Tahun 2022**

4. **SOALAN LISAN**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 1 (A95)

Minta diperincikan pelaburan sebanyak RM60.9 bilion yang diterima Johor dan peratusan pelaksanaan pelaburan-pelaburan tersebut?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 2 (A123)

Baru-baru ini negeri Johor telah diumumkan menerima nilai pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM60.9 billion. Justeru apakah manfaat yang bakal dirasai oleh rakyat negeri ini?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 3 (A129)

Tahniah Kerajaan Negeri Johor. Pertama kali dalam sejarah, berjaya mencatatkan nilai pelaburan tertinggi dalam negara, iaitu RM60.9 bilion bagi separuh tahun ini. Bagaimanakah kerajaan negeri akan memastikan pelaburan ini memberi impak positif dan memanfaatkan seluruh Bangsa Johor?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN 4 (A70)

Bagaimanakah kerajaan mengagihkan pelaburan RM60.9 bilion disetiap daerah terutama di kawasan utara Johor? Nyatakan jenis dan jumlah pelaburannya serta apakah perancangan jangka panjang kerajaan bagi memastikan pelaburan di Johor terus meningkat pada masa akan datang.

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN 5 (A72)

Baru-baru ini, negeri Johor telah diumumkan sebagai penyumbang pelaburan yang tertinggi di Malaysia iaitu bernilai RM60.9 bilion. Tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri. Apakah peluang atau ruang yang boleh rakyat Johor nikmati daripada pelaburan yang tinggi ini?

YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (SIMPANG JERAM)

SOALAN 6 (A57)

Nyatakan di manakah tahap jaminan keselamatan makanan di negeri Johor?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 7 (A91)

Mohon dinyatakan inisiatif kerajaan Negeri Johor melalui pengukuhan bekalan makanan untuk menghadapi inflasi yang dijangka melanda negara.

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)

SOALAN 8 (A117)

Bilakah kerajaan dapat mengumumkan kejayaan dari segi jaminan makanan mencukupi pada masa akan datang?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 9 (A122)

Adakah sektor pertanian masih menjadi fokus kepada kerajaan negeri dan apakah langkah-langkah kerajaan negeri bagi membantu petani bagi menjayakan FOOD SECURITY PROGRAM yang di ilhamkan oleh kepimpinan terdahulu?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 10 (A71)

Pada Amanat YAB MB tempoh hari YAB MB ada menggariskan 6 teras Maju Johor. Selain Program Johor Bersih, apakah program utama lain yang telah berjaya kerajaan laksanakan?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 11 (A86)

Apakah status Enam Teras Maju Johor yang direncana oleh kerajaan negeri?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 12 (A92)

Apakah status perumahan PPR di Sungai Tiram yang telah siap pembinaannya? Bilakah permohonan akan dibuka kepada rakyat? Bilakah dijangka boleh diduduki?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 13 (A149)

Nyatakan produk pelancongan yang baru bagi tahun 2022 dan 2023.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 14 (A159)

Laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2022, jumlah penduduk Iskandar Puteri 447,697 (309,865 dalam DUN Kota Iskandar). Jika ada keluasan kawasan serta lokasi yang sesuai, bolehkah Kerajaan Negeri memohon kepada Kerajaan Persekutuan membina sebuah hospital kerajaan dalam Kota Iskandar?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 15 (A26)

Bilakah kali terakhir bantuan-bantuan kebajikan daripada agensi-agensi kerajaan seperti Baitulmal, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) disemak semula bagi tujuan kenaikan elaun?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 16 (A63)

Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi membina sebuah sekolah agama seperti mana yang pernah dicadangkan di sebuah tanah milik Majlis Agama Islam Negeri Johor di Jalan Utama 32, Taman Utama Pekan Nanas.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 17 (A148)

Senaraikan Gelanggang Futsal dalam kawasan DUN Johor Jaya serta tarikh pembinaan, rancangan naiktaraf dan baikpulih bagi setiap gelanggang futsal.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 18 (A90)

Mohon dinyatakan perancangan kerajaan Negeri Johor bagi memperluaskan bantuan-bantuan sedia ada kepada pelajar lepasan SPM/STPM mendapat tawaran menyambung pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 19 (A113)

Berapa buah rumah mampu milik yang sedang dibangunkan di kawasan parlimen Pasir Gudang? Berapakah buah rumah mampu milik yang disiapkan dalam masa 2 tahun? Apakah jangkaan keperluan rumah mampu milik dalam masa 5 tahun di Negeri Johor dan Pasir Gudang khususnya?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARANG)
SOALAN 20 (A110)

Apakah prosedur permohonan peruntukan Pembangunan Kampung Baru Cina dan berapakah jumlah kampung yang telah menerima peruntukan ini berserta jumlah peruntukan yang diterima?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 21 (A4)

Bagaimanakah Kerajaan Negeri Johor memantau dan mengekang masalah penderaan di taska dan pusat jagaan yang berlaku kerana terdapat segelintir ibu bapa mangsa dera yang tidak bertindak melaporkan kes dera kepada pihak berkuasa?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARANG)
SOALAN 22 (A108)

Apakah status Sekolah Agama Bukit Pasir Batu Pahat yang dibina di tanah kerajaan Persekutuan dan adakah kerajaan mempunyai rancangan bagi pembinaan baru di atas tanah kerajaan negeri bagi memastikan sekolah tersebut dapat menerima peruntukan pembangunan sewajarnya bagi keselesaan murid sekolah?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 23 (A12)

Nyatakan status terkini kemajuan Jawatankuasa Pemandu Modal Insan Negeri Johor dalam usaha mengatasi masalah 'brain drain' dan ketidakpadanan kemahiran pekerjaan di Johor.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 24 (A62)

Berapakah jumlah elaun yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, serta bilakah kali terakhir kadar elaun ini disemak. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bagi meningkatkan elaun bagi Ahli Majlis (PBT) selari dengan keperluan semasa.

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 25 (A119)

Apakah langkah kerajaan bagi mengangkat seni budaya Negeri Johor ke peringkat yang lebih tinggi seperti peringkat nasional dan antarabangsa?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 26 (A34)

Sila nyatakan usaha yang akan diambil supaya permohonan bantuan-bantuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat diproses dengan lebih cepat.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 27 (A109)

Apakah status program Takaful Warga Emas Negeri Johor? Adakah ia diteruskan atau dihentikan dan berapa ramaikah yang telah didaftarkan untuk program ini setakat Disember 2021?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 28 (A96)

Minta dinyatakan perkembangan terkini "Greater Johor Bahru" dan langkah-langkah yang akan diambil pada masa terdekat bagi memperkukuhkan agenda tersebut?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 29 (A97)

Singapura dilihat boleh memberikan nilai tambah dalam agenda pembangunan "Greater Johor Bahru". Minta dinyatakan adakah sebarang bentuk kerjasama yang telah dijalin di antara Johor dan Singapura bagi memberi nilai tambah sekali gus merealisasikan hasrat tersebut.

YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (SIMPANG JERAM)
SOALAN 30 (A54)

Nyatakan berapakah peluang pekerjaan post Covid-19 yang disediakan oleh kerajaan Johor untuk anak tempatan Johor.

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 31 (A1)

Hak Orang Asli perlu dijaga dan dijamin. Mereka sering kali rasa suara mereka diketepikan dan dipinggirkan. Berapakah jumlah tanah yang telah diwartakan sebagai wilayah tanah adat Orang Asli di negeri Johor?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 32 (A2)

Apakah perkembangan usaha Kerajaan Negeri Johor dalam mengendalikan masalah penempatan setinggan?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 33 (A3)

Apakah perancangan jangka pendek dan panjang pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kesesakan trafik di Susur Keluar Persimpangan Jalan Bertingkat Skudai menuju ke Gelang Patah dari arah utara?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 34 (A5)

Apakah tindakan Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan keselamatan penduduk di perumahan bertingkat yang mengalami keretakan struktur sebagaimana sedang dihadapi oleh penduduk di Blok 2, Blok 3 dan Blok 4 Rumah Pangsa Taman Jaya, Skudai?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 35 (A6)

Dalam menyelesaikan isu penempatan setinggan, ada banyak kekeliruan yang berlaku sebagai contoh isu Lorong Aris di Batu 8 1/2 Skudai. Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai sebarang tatacara penempatan semula penduduk setinggan bagi memastikan ketelusan sebarang proses berkenaan? (SOP)

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN 36 (A7)

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul berhubung kait dengan gangguan ketidaksuburan tanaman yang dihadapi oleh pekebun kecil yang bersebelahan dengan tapak pelupusan sampah dikawasan Majlis Daerah Labis?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN 37 (A8)

Apakah perancangan kerajaan Johor pada masa hadapan untuk memastikan jalan ke tapak pelupusan sampah di Labis dalam keadaan selamat dan

selesa kepada pekebun-pekebun kecil dan pihak-pihak lain yang menggunakan jalan tersebut?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN 38 (A9)

Bilakah masalah tekanan air (Ranhill-SAJ) yang sangat rendah dapat diselesaikan oleh Syarikat Ranhill-SAJ kerana sekarang ini berlaku setiap hari dan bukannya hanya berlaku di musim-musim perayaan sahaja diharapkan kerajaan negeri dapat mengambil tindakan demi kesejahteraan penduduk.

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN 39 (A10)

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai aduan yang telah saya majukan kepada SKMM mengenai mutu liputan yang sangat rendah di kawasan saya?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 40 (A11)

Nyatakan jumlah peruntukan yang telah digunakan bagi penyelenggaraan untuk setiap PPR di Johor dan senaraikan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh kerajaan secara terperinci dari tahun 2016 hingga 1 September 2022.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 41 (A13)

Adakah kerajaan akan memperkenalkan perkhidmatan kutipan sisa pepejal domestik berbayar di bawah Kerajaan Tempatan di kawasan kampung tradisi tidak bercukai dan setinggian seperti Kampung Tuah Jaya, Kampung Sungai Perling dan Kampung Sungai Temon dalam DUN Perling bagi mengatasi pencemaran sampah?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 42 (A14)

Nyatakan kemajuan terkini projek penggantian dan penyelenggaraan paip di kawasan Jalan Trus dan Jalan Tan Hiok Nee, Bandar Baru Johor yang sering terputus bekalan air sehingga menjejaskan aktiviti para peniaga dan tarikh projek tersebut akan disiapkan.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 43 (A16)

Nyatakan komitmen kerajaan melaksanakan Enakmen Anti-Lompat Parti negeri Johor seperti dijanjikan dalam Ikhtiar Barisan Nasional (BN).

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 44 (A17)

Apa tindakan dan perancangan kerajaan untuk membaikpulih kuarters guru yang telah uzur dan tidak dapat diduduki? Beberapa kuarters guru dalam kawasan DUN Tiram perlu dibaikpulih bagi membolehkan guru-guru yang berkelayakan untuk menduduki kuarters berkenaan.

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 45 (A18)

Berapakah jumlah peruntukan hadiah kecemerlangan sukan yang telah pihak kerajaan beri kepada atlet-atlet sukan kelahiran Negeri Johor yang telah berjaya mengharumkan nama negeri Johor dalam sukan masing-masing?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 46 (A19)

Apakah pandangan kerajaan berkaitan pemilihan Ketua Kampung yang dirasakan tidak menepati kehendak DYMM Sultan Johor yang mana ada calon yang dicadangkan oleh Ketua Bahagian untuk mengisi kekosongan jawatan walaupun kampung tersebut bukan kampung asal pemohon.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 47 (A20)

Apakah justifikasi kerajaan menaikkan sewa gerai-gerai Majlis hampir 100% sehingga membebankan penyewa di Mersing?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 48 (A21)

Adakah kerajaan bersedia untuk mengeluarkan sejumlah peruntukan untuk baikpulih dan menurap semula Jambatan Mersing yang kini sudah rosak teruk?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 49 (A22)

Umum ketahui bahawa kerajaan Johor umumkan berjaya tarik masuk pelaburan RM60.9 bilion dalam separuh tahun pertama 2022. Jadi, adakah kerajaan bersedia menimbangkan untuk berbincang dengan pelabur untuk buka kilang atau industri di Mersing untuk wujudkan peluang pekerjaan?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 50 (A23)

Mersing menjadi perhatian pengunjung lebih-lebih lagi musim cuti persekolahan atau umum. Justeru, berapakah kadar jumlah kemasukan pelancong ke dalam daerah Mersing dan apakah perancangan kerajaan

untuk memastikan ekonomi masyarakat setempat dapat ditingkatkan dengan ramainya pelancong datang ke Mersing?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 51 (A24)

Endau dimaklumkan bahawa YB EXCO telah mengadakan lawatan ke beberapa buah sekolah di daerah Mersing. Jadi, apakah tindakan susulan hasil daripada lawatan YB EXCO terutamanya berkaitan kerosakan-kerosakan yang diadukan pihak sekolah dan pihak PIBG?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 52 (A25)

Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan menawarkan biasiswa atau pinjaman boleh ubah bagi lanjutan pelajaran ke IPT dalam dan luar negara kepada sejumlah pelajar anak Johor yang miskin dan kurang berkemampuan tetapi mempunyai prestasi yang cemerlang di dalam pelajaran.?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 53 (A27)

Ketidakseimbangan hasil PBT negeri Johor telah menyebabkan pembangunan tidak seimbang terutamanya dari segi perkhidmatan dan infrastruktur. Sekiranya perkara ini tidak dibendung ia boleh mewujudkan satu jurang yang besar, oleh itu apakah tindakan Kerajaan Negeri Johor dalam menyelesaikan perkara ini ?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 54 (A28)

Apakah pelan serta perancangan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh serta mempertingkatkan pembangunan E-Sukan di negeri ini?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 55 (A29)

Masalah haiwan liar dan haiwan tidak bertuan yang sering mengganggu serta merosakkan harta benda penduduk telah menyebabkan penduduk mengalami kerugian akibat daripada kemasukkan haiwan-haiwan ini di kawasan penduduk. Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membantu dalam memberi penyelesaian efektif kepada perkara ini?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 56 (A31)

Sila nyatakan keadaan terkini bagi Revolusi Hijau yang telah diwujudkan pada tahun 2019 berserta dengan pencapaian dan rancangan seterusnya.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 57 (A32)

Sila nyatakan jumlah terkini rumah yang tidak terjual mengikut jenis dan daerah.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 58 (A33)

Sila nyatakan saluran-saluran aduan bagi kes pencemaran yang sedia ada dan apakah usaha untuk mempercepatkan tindakan diambil terhadap mereka yang melakukan pencemaran?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 59 (A35)

Sila nyatakan apakah perancangan bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja selepas makin kurang pekerja asing datang bekerja?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 60 (A36)

Sila nyatakan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan dan RSAJ untuk menangani masalah terlalu kerap berlaku paip air pecah dan mengakibatkan gangguan bekalan air.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 61 (A37)

Adakah kerajaan Negeri Johor bersedia memberi peruntukan untuk sembilan buah Sekolah Menengah Persendirian Cina di Johor bagi tahun 2022?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 62 (A39)

Berapakah jumlah pasangan pengantin baru yang telah menerima bantuan pasangan raja sehari sebanyak RM1000 setakat ini?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 63 (A40)

Apakah status semasa rancangan menaik taraf Jalan Bakri yang kini semakin sesak disebabkan pembangunan yang pesat di sepanjang jalan tersebut?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 64 (A41)

Apakah perancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan di Jalan Salleh, Muar terutamanya di simpang Jalan Hospital dan Jalan Salleh?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 65 (A42)

Nyatakan jumlah kes aduan gangguan dari rumah terbiar dan jumlah kes yang telah diselesaikan di setiap daerah?

YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 66 (A43)

Nyatakan perancangan utama untuk mengatasi pengangguran di kalangan belia dan setakat manakah kejayaannya di Johor?

YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 67 (A44)

Berapakah data terkini mengikut daerah mengenai pengangguran belia dan apakah sebab utama ia berlaku selain isu COVID-19?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 68 (A46)

Apakah status terkini dan bagaimana dengan kecekapan sekolah dalam pengendalian sistem kehadiran pelajar dengan sistem digital di sekolah menengah?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 69 (A47)

Bilakah kerajaan negeri Johor akan ratifikasikan akta anti lompat parti dalam perlembagaan negeri seperti Pulau Pinang dan Sabah?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 70 (A48)

Berapakah bilangan graduan anak muda yang mampu bermanfaat melalui inisiatif Taman Pusat Data Hijau YTL yang baru dilancarkan di Kulai dan apakah peluang-peluang baru yang boleh dimanfaatkan oleh mereka?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 71 (A49)

Apakah status terkini dalam proses penyediaan projek Selekoh S di DUN Bukit Batu dan bilakah lantikan kontraktor akan dibuat oleh pihak JKR?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 72 (A50)

Apakah tindakan kerajaan negeri untuk menangani masalah klinik kesihatan yang tidak mencukupi di DUN Bukit Batu kerana kepadatan penduduk di beberapa kawasan agak tinggi?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 73 (A51)

Apakah perancangan pihak MPKu bagi mengatasi masalah banjir kilat di Kulai terutamanya di Taman Sri Muhibbah ? Nyatakan nilai Projek Selenggara dan Naik Taraf dari tahun 2017 hingga 2022 mengikut kawasan yang telah dilaksanakan oleh pihak MPKu secara terperinci ?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 74 (A52)

Selaras dengan Kerajaan Persekutuan, bilakah Kerajaan Johor akan membentangkan rang undang-undang anti lompat parti ?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 75 (A53)

Apakah pelan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk meningkatkan kebersihan sungai di Johor?

YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (SIMPANG JERAM)

SOALAN 76 (A55)

Nyatakan perancangan naik taraf sistem perparitan susulan kejadian banjir kilat di Bandaraya Johor Bahru dan sekitar Hospital Sultanah Aminah pada baru-baru ini.

YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (SIMPANG JERAM)

SOALAN 77 (A56)

Nyatakan adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baharu selari dengan ekonomi semasa rakyat Johor.

YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (SIMPANG JERAM)

SOALAN 78 (A58)

Nyatakan adakah terdapat usaha untuk mereformasikan Dewan Negeri Johor dengan meminda Peraturan Mesyuarat untuk membenarkan celahan semasa perbahasan?

YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (SIMPANG JERAM)
SOALAN 79 (A59)

Nyatakan berapakah projek rumah yang terbengkalai di Johor?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 80 (A60)

Minta dinyatakan bilakah Kerajaan Negeri akan memulakan projek Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di DUN Pekan Nanas.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 81 (A61)

Adakah Kerajaan Negeri akan memulakan semula operasi jentera berat bagi JKR dan JPS untuk membantu kerja-kerja berat seperti 'clogging' di kawasan parit, selepas operasi jentera tersebut diberhentikan susulan penswastan dan pembubaran Projek Johor Barat.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 82 (A64)

Adakah kerajaan negeri akan membantu untuk menyelenggara dan menaiktaraf fasiliti sekolah-sekolah kerajaan di kawasan Pekan Nanas yang memerlukan penaiktarafan selari dengan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang merupakan sebahagian daripada usaha KPM ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 83 (A65)

Apakah perancangan dan tindakan kerajaan negeri bagi DUN Pemanis setelah kerajaan meletakkan daerah Segamat sebagai sebahagian daripada Zon Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Adakah sebarang pelaburan dan pembangunan baru yang boleh disediakan oleh pihak kerajaan di dalam DUN Pemanis?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 84 (A66)

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan sebuah pusat penyembelihan bersepadu di daerah Segamat? Dan bagaimanakah pemantauan dibuat oleh pihak berkuasa bagi memastikan pusat penyembelihan di negeri Johor patuh syariah dan tidak mengenakan caj yang terlalu tinggi kepada pengguna?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 85 (A67)

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menyalurkan peruntukan infrastruktur kepada kawasan-kawasan perumahan Generasi Kedua FELDA? Dan jika ada berapakah jumlahnya?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 86 (A68)

Adakah syarikat pengurusan air di Johor ada mengemukakan cadangan mengatasi masalah tekanan air rendah dan sering terputus di kawasan dalam DUN Pemanis? Jika ada, bolehkah dinyatakan tarikh cadangan perlaksanaannya?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 87 (A69)

Adakah kerajaan bercadang membina sebuah bangunan Persekutuan di daerah Segamat bagi memudahkan urusan rakyat dan segala urusan berkaitan pentadbiran badan dan agensi kerajaan diuruskan secara berpusat?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 88 (A73)

Apakah pelan kerajaan untuk membangunkan Johor Utara secara bersepadu?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 89 (A74)

Apakah pelan bagi meluaskan liputan talian selular di negeri Johor ini?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 90 (A75)

Apakah pelan dalam mengatasi masalah banjir di Johor?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 91 (A76)

Apakah status permohonan membina bangunan baru untuk Pejabat Pendidikan Daerah Tangkak?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 92 (A77)

Berapa ramai belia yang tidak berpersatuan di negeri Johor?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 93 (A78)

Apakah perancangan untuk merencanakan lagi sektor pelancongan?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 94 (A79)

Apakah tindakan kerajaan negeri dalam memperbanyakkan lagi projek Rumah Mampu Milik (RMMJ) di DUN Penawar? Bilakah tarikh projek akan di laksanakan, jangka siap projek dan di mana tempatnya serta berapa unit?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 95 (A80)

Apakah tindakan kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah khinzir, anjing liar serta serangan monyet yang semakin meruncing di kawasan FELDA dan kampung dalam DUN Penawar, yang telah merosakkan tanaman dan harta benda serta menyebabkan kekotoran alam sekitar.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 96 (A81)

Apakah rancangan pihak kerajaan negeri bagi memastikan peniaga dan pengusaha kecil bumiputera menerima insentif daripada hasil pembangunan pelancongan yang pesat di Desaru dan Bandar Penawar?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 97 (A82)

Pertambahan jumlah penduduk di Bandar Penawar sangat drastik seterusnya meningkatnya jumlah pelajar disini. Oleh yang demikian, apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengatasi kesesakan pelajar dan meningkatkan kemudahan infra selaras dengan keperluan semasa?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 98 (A83)

Peluang perniagaan yang diberikan kepada rakyat melalui Koperasi tertentu sahaja. Apakah solusi yang pihak kerajaan negeri aturkan supaya limpahan kemakmuran ini tidak tertakluk kepada hanya koperasi tertentu sahaja malah terbuka kepada koperasi lain seperti di FELDA.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 99 (A84)

Mohon agar memperkasakan semula SPNB khasnya kepada pemohon generasi baru rumah pertama dengan penambahan kelulusan permohonan dengan cepat dan mudah serta mohon agar SPNB memberi nilai tambah kos

pembangunan kepada kontraktor yang dilantik bagi menjayakan pembinaan rumah dibawah SPNB.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 100 (A85)

PIBG memainkan peranan penting dan baik disekolah-sekolah, namun ada juga yang tidak dapat memungut penuh yuran sehingga akhir tahun kerana ianya dianggap sumbangan. Sedili mencadangkan agar PIBG juga perlu diberi peruntukan tahunan bagi menampung urusan dan aktiviti.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 101 (A87)

Melalui unit Strategik Modal Insan Johor (SMI) oleh kerajaan negeri, berapa banyak peluang pekerjaan yang disediakan dan berjaya dinikmati oleh rakyat Johor?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 102 (A88)

Minta dinyatakan produk-produk baru pelancongan Johor untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Johor mengikut daerah-daerah.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 103 (A89)

Mohon dinyatakan perancangan Kerajaan Negeri Johor untuk memberi peruntukan peranti iaitu laptop kepada siswa anak Johor yang amat memerlukan.

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 104 (A93)

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri Johor melalui Suruhanjaya Multi Media Malaysia (SKMM) mengenai aduan yang telah saya majukan kepada SKMM mengenai mutu liputan yang sangat rendah di kawasan saya?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 105 (A94)

Apakah status projek Rumah Mampu Milik SPNB yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri dan telah dibuat upacara pecah tanah di Desa Temu Jodoh Chaah sekitar tahun 2017/2018?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 106 (A98)

Minta dinyatakan dasar dan inisiatif terkini dalam usaha memperkasa peranan Institut Dato Onn (IDO) sebagai platform bagi mencungkil potensi orang muda Johor dalam pelbagai bidang selari tuntutan semasa?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 107 (A99)

Minta dinyatakan adakah usaha yang dirancang untuk melaksanakan persempadanan semula bagi kawasan DUN yang mempunyai jumlah pengundi yang ramai?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENKIBOL)
SOALAN 108 (A101)

Bilakah jalan dalam taman yang terletak dibawah tanggungjawab PBT boleh dibina bagi menyambungkan Jalan Mengkibol dengan Jalan Kota Tinggi-Kluang melalui Vehicle Box Culvert ke Jalan Sawi dan Jalan Kluang Indah.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENKIBOL)
SOALAN 109 (A102)

Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap protokol jemputan yang diamalkan di peringkat Daerah yang tidak menjemput ADUN Pembangkang ke majlis yang bersifat patriotisma, kemasyarakatan, kebudayaan dan perpaduan yang sepatutnya tidak membezakan fahaman politik?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENKIBOL)
SOALAN 110 (A103)

Adakah pihak kerajaan negeri membenarkan kawasan hijau Gunung Lambak diteroka untuk penanaman pokok-pokok Durian dan jika tidak apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan negeri.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENKIBOL)
SOALAN 111 (A105)

Kerajaan negeri tidak melantik 123 ketua masyarakat pada 2020, 2021 dan mengakibatkan peruntukan KPKT sebanyak 24.60 juta telah ditarik balik. Adakah kerajaan negeri boleh mendapatkan semula peruntukkan tersebut daripada kerajaan pusat?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENKIBOL)
SOALAN 112 (A106)

Nyatakan usaha kerajaan negeri Johor mempertahankan negeri Johor sebagai pengeluar daging dan telur ayam yang terbesar di Malaysia.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 113 (A107)

Berapakah jumlah hasil kutipan sewaan tapak dari TNB bagi tujuan substesyen berdasarkan setiap daerah dan adakah TNB mempunyai bayaran tertunggak bagi tujuan ini?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 114 (A111)

Kampung-kampung di pinggir bandar mempunyai masalah pembuangan sampah. Apakah kerajaan mempunyai rancangan bagi menyelenggara kutipan sampah di kawasan kampung-kampung di pinggir bandar dan apakah kaedah kutipan bagi penyelenggaraan tersebut bagi memastikan sampah-sampah di kampung pinggir bandar dikutip dengan baik?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 115 (A112)

Pembangunan perumahan di dalam kampung sekitar Batu Pahat telah mengakibatkan kepadatan pengguna jalan-jalan kampung sehingga jalan-jalan ini mudah dan kerap rosak selain berlaku hakisan tebing parit. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan jalan-jalan kampung sentiasa diselenggara seperti menyerahkan penyelenggaraan kepada PBT?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 116 (A114)

Apakah persiapan kerajaan untuk menghadapi Moonson yang dijangka lebih buruk dari musim yang lepas? Apakah bantuan-bantuan yang disediakan semasa banjir dan selepas banjir?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 117 (A115)

Masalah kekurangan kelas pembelajaran ataupun guru di Sekolah Agama di Johor menjadi masalah yang sukar untuk diselesaikan. Adakah kerajaan telah merancang untuk atasi masalah ini seperti mengadakan sistem pembelajaran secara hibrid?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 118 (A116)

Apakah perancangan kerajaan untuk membantu kontraktor-kontraktor kecil yang semakin sukar untuk mendapatkan kerja-kerja kerajaan?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 119 (A118)

Fenomena banjir kerap berlaku kerana taburan hujan yang lebat pada setiap hujun tahun (Nov & Dis). Apakah perancangan dan tindakan serta persiapan pihak yang berkaitan dalam menangani masalah ini?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 120 (A120)

Adakah kerajaan Negeri Johor mempunyai langkah khusus bagi mengiktiraf sukan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 121 (A121)

Berapa jumlah peluang pekerjaan yang dapat disediakan melalui pelaburan 60 bilion yang di umumkan oleh kerajaan baru-baru ini?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 122 (A124)

Jalan raya merupakan asas kepada kelancaran sistem pengangkutan dan keterhubungan. Oleh yang demikian, saya meminta pihak kerajaan menurap semula jalan persekutuan di FT 005 Seksyen 165, 166 Parit Jawa hingga ke Seksyen 148 Semerah kerana telah uzur dan mengalami kerosakan.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 123 (A125)

Pelajar sekolah merupakan aset berharga negeri dan negara yang menjadi pelapis kepimpinan masa hadapan. Justeru itu saya memohon pihak kerajaan dapat menyediakan sebuah jejantas bagi setiap sekolah yang berada di tepi jalan raya utama untuk tujuan keselamatan mereka melintas jalan.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 124 (A126)

Saya memohon kepada pihak kerajaan supaya dapat menambah bilangan ambulans di Klinik Kesihatan Parit Yusof, Seri Menanti dan Parit Jawa. Hal ini ekoran kadar penggunaan yang tinggi menyebabkan sesetengah kes tidak mendapat respons segera dan ia akan mendatangkan sesuatu risiko.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 125 (A127)

Saya memohon supaya jambatan penghubung kampung dengan jalan raya utama di DUN Sungai Balang dapat dilebarkan supaya memudahkan aliran trafik di kawasan-kawasan kampung. Selain itu juga, ia bagi membolehkan

jentera pertanian dan industri kampung dapat keluar masuk dengan mudah.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 126 (A128)

Dalam menghadapi kadar inflasi dan OPR bank yang meningkat di negara kita, apakah perancangan bantuan rakyat atau inisiatif seterusnya yang YAB Menteri Besar fikirkan demi meringankan beban yang tertanggung oleh rakyat, khasnya warga bangsa Johor yang dikasihi.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 127 (A130)

Masalah gangguan monyet, babi dan hidupan liar lain yang menghantui penduduk Mukim Ayer Hitam masih berlaku. Ianya mengganggu ketenteraman, merosakkan harta benda serta tanaman selain pernah menyebabkan kemalangan maut akibat perlanggaraan. Mohon penyelesaian tuntas dari pihak perhilitan dan pihak-pihak terbabit.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 128 (A131)

Mohon pihak Kerajaan Negeri mewujudkan Hab Halal PKS di kawasan Bukit Naning terutamanya di tanah milik PPNJ.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 129 (A132)

Adakah Jabatan Veterinar dan juga Pertanian mempunyai rancangan atau cadangan untuk membuat kajian ke atas daun-daun pokok Nanas dijadikan sebagai bahan makanan utama makanan ternakan terutama lembu dan kambing?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 130 (A133)

Bandar Perabot Malaysia (Muar Furniture Park) di Batu 8 Bakri dijangka menawarkan 5000 peluang pekerjaan menjelang 2023. Apakah strategi kerajaan negeri supaya peluang pekerjaan ini akan diisi oleh warga Muar khususnya graduan tempatan.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 131 (A134)

Mohon pihak SPNB menyenaraikan statistik jumlah penerima rumah mesra rakyat di kawasan DUN Parit Yaani bermula tahun 2018-2021. Berapakah jumlah rumah mesra rakyat yang masih tertanggung kelulusannya dan belum dapat diselesaikan.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 132 (A135)

Minta perincikan usaha yang sedang atau akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri berkenaan aspek pembangunan modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan untuk mencapai objektif Bandar Pintar Negeri Johor 2030?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 133 (A136)

Apakah perancangan kerajaan di dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Tongkang Pechah, khususnya di Jalan Bindu Tongkang Pechah?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 134 (A137)

Apakah tindakan kerajaan dalam mengekang dan membantu masalah peniaga-peniaga jalanan yang menggunakan rezab jalan sebagai alternatif untuk menyara hidup setelah dilanda pelbagai masalah ketika PKP beberapa tahun lalu?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 135 (A138)

Terdapat cadangan membangunkan masjid dan kawasan tanah perkuburan Islam di Bandar Putra Indah, Tongkang Pechah. Mohon pengesahan status tanah rezab kerajaan bagi tujuan perkara tersebut.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 136 (A139)

Kementerian Pendidikan (KPM) diarah menerajui Hala Tuju Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) tetapi kebanyakan sekolah masih tidak mempunyai aplikasi seperti televisyen skrin sentuh yang lengkap. Apakah langkah untuk mengatasi masalah ini?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 137 (A141)

Umum mengetahui bahawa negeri Johor mempunyai satu projek mega dalam bidang oil & gas di negeri Johor. Apakah status hasil pendapatan projek Rapid terhadap penambahan ekonomi untuk negeri Johor?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 138 (A142)

Apakah peranan yang dimainkan kerajaan bagi meningkatkan mutu pendidikan di negeri Johor, terutamanya tahap penguasaan pelajar-pelajar di dalam bidang STEM?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 139 (A143)

Kerajaan negeri telah mengumumkan program Johor Selamat. Apakah langkah-langkah atau perancangan keselamatan yang dibuat oleh kerajaan negeri disekitar pantai terutamanya di DUN Tg. Surat yang selama ini menjadi kawasan tumpuan kemasukan pendatang asing tanpa izin?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 140 (A144)

Apakah usaha pihak kerajaan dalam menangani masalah banjir kilat di Kg Belantik, Jalan Cempaka Taman Plentong Baru dan Saujana?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 141 (A145)

Apakah rancangan pihak kerajaan dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan Sungai Plentong bagi mengelakkan banjir kilat?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 142 (A146)

Senaraikan Taman Rekreasi Kanak-kanak yang terdapat dalam kawasan DUN Johor Jaya di bawah MBBJ dan MBPG.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 143 (A147)

Senaraikan Projek Perumahan Rakyat yang sedia ada dan akan dibina dalam Daerah Johor Bahru serta bilangan kekosongan unit dan harga sewaan.

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 144 (A150)

Apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak JKR bagi menangani masalah air bertakung dan garisan putih yang pudar di Jalan Labis - Pekan Air Panas dan Jalan Labis - Muar. Keadaan tersebut mengundang bahaya kepada pengguna.

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 145 (A151)

Terdapat keperluan menaik taraf tebing-tebing sungai khususnya di Sungai Juaseh dengan membina penahan tebing batu sangkar berikutan berlaku hakisan yang menjejaskan kebun penduduk di jajaran sungai tersebut. Apakah langkah yang boleh diambil oleh agensi berkaitan bagi mengatasi masalah tersebut.

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 146 (A152)

Apakah langkah penyelesaian yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah kelewatan kerja-kerja pembinaan Rumah Mesra Rakyat selepas permohonan diluluskan SPNB. Terdapat kes dimana kerja-kerja pembinaan hanya dijalankan selepas hampir setahun tapak disediakan oleh pemohon.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 147 (A153)

Nyatakan pelan tindakan bagi menghadapi banjir besar yang telah diramalkan akan berlaku pada hujung tahun ini oleh Jabatan Meteorologi Malaysia.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 148 (A154)

Nyatakan statistik OKU di Johor dan cadangan untuk menampung kapasiti rumah jagaan OKU yang telah mencapai kapasiti maksimum.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 149 (A155)

Nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk berbincang dengan kerajaan pusat berkenaan larangan eksport ayam di Johor ke luar negara.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 150 (A156)

Nyatakan rancangan kerajaan bagi meningkatkan keupayaan menghasilkan bahan mentah untuk kegunaan harian.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 151 (A157)

Nyatakan pelan penyelenggaraan bagi taman-taman di bawah seliaan MBBJ seperti Taman Pelangi Indah, Taman Gaya dan Taman Setia Indah.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 152 (A158)

Berikan statistik bagi jumlah pelajar pendidikan khas di Johor dan cadangan untuk menampung kenaikan jumlah pelajar.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 153 (A160)

Sungai di dalam Iskandar Puteri merupakan aset eko-pelancongan, khususnya nelayan pesisiran pantai yang semakin kurang hasil

pendapatannya. Bolehkah YB EXCO pertingkatkan kempen kebersihan serta penguatkuasaan supaya industri pelancongan bernilai tinggi dapat dicapai dan secara langsung nelayan dapat pendapatan tambahan?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 154 (A161)

Pemaju perumahan belum serah seluruh kawasan kediaman kepada PBT walau telah ada pendudukkan selama 6 -18 tahun. PBT tidak dapat beri perkhidmatan sewajarnya. Berapa lamakah tempoh masa diberikan kepada mereka menyerahkan dan apakah tindakan dan hukuman jika gagal berbuat demikian?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 155 (A162)

Menteri Kerja Raya umum peruntukan RM1,802,088,052 untuk projek jalan. Terdapat isu kesesakkan, projek terbengkalai serta jalan perlu dibaikpulih dibawah JKR. Bolehkah diberikan sebahagian peruntukkan tersebut bagi menyelesaikan isu dan tindakan berkaitan yang sekian lama tertangguh menjadi keresahan rakyat Kota Iskandar?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 156 (A163)

Kejadian rumah kediaman ditimpa musibah atau bencana seperti kebakaran, kerosakkan teruk akibat ribut dan sebagainya. Bolehkah Kerajaan Negeri melalui MBIP menyediakan rumah-rumah transit di dalam Kota Iskandar bagi membantu mangsa mendapatkan penginapan sementara ?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 157 (A164)

Mohon kerajaan membentangan cadangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang pembangunan kesejahteraan, sosio ekonomi, pendidikan dan kebajikan masyarakat Orang Asli Kampung Simpang Arang. Bilangan penduduk semakin bertambah. Kampung ini terletak di tengah pembangunan berdaya tinggi dalam kawasan DUN Kota Iskandar.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 158 (A165)

Senggarang berharap empangan baru dapat dibina di Batu Pahat memandangkan terdapat kajian telah dikemukakan oleh Imam Masjid Kota Iskandar, Ranhill, Jabatan Perhutanan serta Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor dan mendapati terdapat sumber air baru dari Bukit Penggaram.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 159 (A166)

Apakah usaha kerajaan negeri untuk memajukan kampung-kampung induk dengan menjadikannya sebagai pusat kemajuan setempat?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 160 (A167)

Buat masa ini Johor mempunyai satu sahaja tempat untuk mencerap anak bulan iaitu di bandar Pontian. Oleh itu Senggarang ingin mencadangkan sebuah tanah milik Majlis Agama Islam Negeri Johor di Bukit Tanjung, Tg Labuh berhampiran kawasan tanah UTHM.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 161 (A15)

Nyatakan secara terperinci jumlah pelaburan dan peluang pekerjaan diwujudkan mengikut bidang dan daerah di Johor dari tahun 2013 hingga 1 September 2022 dan pendekatan kerajaan untuk menarik pelabur yang boleh mencipta peluang pekerjaan berkemahiran dan berproduktiviti tinggi untuk rakyat Johor.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 162 (A30)

Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam menarik pelaburan ke Negeri Johor khususnya pelaburan jangka pendek dan sederhana serta bagaimana ianya diberi penekanan untuk memastikan pelaburan diterima seimbang di kesemua daerah?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 163 (A38)

Apakah status terkini Muar Furniture Park di Bukit Bakri Muar?

YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 164 (A45)

Sejauhmanakah kerajaan negeri menarik pelabur-pelabur dalam dan luar negara untuk melabur di negeri Johor selepas pembukaan sempadan negara dan negeri akibat COVID tempoh hari?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 165 (A140)

Johor telah mencatat nilai pelaburan yang tertinggi untuk separuh pertama tahun 2022, apakah jenis pelaburan yang telah menjadi pilihan pelabur untuk

melabur di negeri Johor, apakah inisiatif kerajaan bagi mengekalkan Johor sebagai pilihan para pelabur ke negeri Johor?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 166 (A100)

Minta dinyatakan apakah dasar perlindungan sosial yang telah dirangka bagi menampung kenaikan kos sara hidup rakyat dengan lebih agresif?

5. RUNDINGAN-RUNDINGAN

- 5.1 Rundingan mengenai Perancangan Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2022.
- 5.2 Rundingan untuk mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi menjalankan kajian dan cadangan terhadap Enakmen Anti-Lompat Parti di Peringkat Dewan Negeri Johor dibawa oleh YB Puan Marina binti Ibrahim Ahli Dewan Negeri kawasan Skudai.

6. RANG UNDANG-UNDANG

- Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2022.

Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.